

0268

B B278 DEB

MAHATHIR - MUSTAPHA R R R

1985

KUALA LUMPUR, 3 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PRESIDEN USNO, TUN DATU MUSTAPHA DATU HARUN BOLEH DATANG BERJUMPA DENGANNYA JIKA PRESIDEN USNO ITU BERHAJAT BERBUAT DEMIKIAN.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT KOMPLEKS PUSAT ISLAM DI SINI: +JIKA DIA (TUN MUSTAPHA) HENDAK BERJUMPA (DENGAN SAYA) DIA BOLEHLAH JUMPA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA TARIKH DAN MASA PERJUMPAAN ITU SETAKAT INI BELUM DITETAPKAN.

APABILA DITANYA MENGENAI PERJUMPAAN BELIAU DENGAN PARA PEMIMPIN MCA SEMALAM, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA HANYA MENERANGKAN KEPADANYA PERKEMBANGAN YANG SEDANG BERLAKU DALAM PARTI ITU.

MENGENAI BERITA YANG MENGATAKAN BAHAWA SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL, ENCIK GHAFAR BABA TELAH DIBERI KEBENARAN UNTUK MENGUSAHAKAN RUNDINGAN YANG BARU BAGI MENYELESAIKAN KRISIS ITU, BELIAU BERKATA, +SAYA TIDAK NAMPAK (BUAT MASA INI ) APA-APA YANG BOLEH DIRUNDINGKAN KERANA PERKARA ITU TELAH DIBAWA KE MAHKAMAH+. -- LAGI.

1440MST 03 05 85

MAHATHIR - MUSTAPHA 2 KUALA LUMPUR R R R

+MEMANDANGKAN PERKARA ITU TELAH PUN DIBAWA KE MAHKAMAH, BIARKANLAH PIHAK MAHKAMAH MENYELESAIKANNYA,+ TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI YANG KELIHATAN KURANG SENANG DENGAN SOALAN-SOALAN MENGENAI PERKARA ITU DARIPADA PARA PEMBERITA YANG MENERUMUNINYA BERKATA= +APAKAH ANDA SEMUA TIDAK ADA SOALAN LAIN YANG HENDAK DITANYA?+

BELIAU BERTANYA SAMA ADA TIDAK ADA PERKARA BAIK YANG BERLAKU DI NEGARA INI UNTUK DILAPORKAN SELAIN DARIPADA KRISIS MCA DAN TUNTUTAN GAJI OLEH CUEPACS YANG MENJADI BERITA MUKA DEPAN DI AKHBAR-AKHBAR.

TAMBAHNYA, BAGAIMANALAH NEGARA HENDAK MENARIK PARA PELANCONG SEKIRANYA BERITA-BERITA MENGENAI MCA DAN (TUNTUTAN GAJI) CUEPACS YANG TERSIAR DI MUKA DEPAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN. -- BERNAMA.

1443MST 03 05 85